



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 58  
No. 23

**10hb November 2005**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
(Act 171)

**No. 705.**

(Seksyen 141 dan 142)  
(Section 141 and 142)

NOTIS UNTUK MENYEMAK SENARAI NILAIAN BARU 2006

NOTICE OF REVISION OF NEW VALUATION 2006

Notis adalah diberi bahawa Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman akan bertindak menyemak Senarai Nilaian Baru bagi tahun 2006 pada hari Khamis 29 Disember 2005 bagi semua pegangan yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar di dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kemaman.

2. Seseorang yang terkilan atas mana-mana alasan yang berikut:
  - (a) Bahawa sesuatu pegangan yang baginya ia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
  - (b) Bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
  - (c) Bahawa seseorang atau sesuatu pegangan, yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya;
  - (d) Bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
  - (e) Bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersesama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain;

bolehlah membuat bantahan dengan cara bertulis kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman pada bila-bila masa tidak kurang dari empat belas (14) hari sebelum 29 Disember 2005.

Notice is hereby given that the President of Kemaman Municipal Council will proceed to revise the new Valuation List for the year 2006 on Thursday, 29 December 2005 for all holdings within the rateable area of Kemaman Municipal Council.

2. Any person aggrieved of any the following grounds:

- (a) that any holding for which he is rateable is valued beyond its rateable value;
- (b) that any holding valued is not rateable;
- (c) that any person who, or any holding which, ought to be included in the Valuation List is omitted therefrom;
- (d) that any holding is valued below its rateable value; or
- (e) that any holdings which have been jointly or separately valued ought to be valued otherwise,

may make objection in writing to the President of Kemaman Municipal Council at any time not less than fourteen (14) days before 29 December 2005.

Bertarikh 10 November 2005  
Dated 10 November 2005  
[MPK/JPPH/1840/2002/14]

DATO' HAJI HASHIM BIN MAMAT  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Kemaman/*  
*President*  
*Kemaman Municipal Council*

**No. 706.**

(Seksyen 141 dan 143)

(Section 141 and 143)

NOTIS SENARAI NILAIAN BARU 2006

NEW VALUATION LIST 2006

Notis adalah diberi bahawa Senarai Nilaian Baru bagi tahun 2006 bagi semua pegangan dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kemaman yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar telah pun disediakan dan boleh disemak di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, Jalan Air Putih, 24000 Kemaman, pada tiap-tiap hari bekerja antara jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang oleh sesiapa jua yang mengaku sebagai sama ada pemunya atau penduduk sesuatu pegangan dalam Senarai itu atau sebagai ejen mana-mana orang itu dan cabutan-cabutan boleh dibuat daripada Senarai itu tanpa bayaran.

## WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

10hb Nov. 2005]

721

Notice is hereby given that the new Valuation List for the year 2006 for all holdings within the rateable area of Kemaman Municipal Council has been prepared and the copy thereof may now be inspected at Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, Jalan Air Putih, 24000 Kemaman, during office hour between 9.00 am to 3.00 pm by any person claiming to be either the owner occupier of a holding in the Valuation List or the agent of any such person and make extracts therefrom without charge.

Bertarikh 10 November 2005  
Dated 10 November 2005  
[MPK/JPPH/1840/2002/14]

DATO' HAJI HASHIM BIN MAMAT  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Kemaman/*  
*President*  
*Kemaman Municipal Council*

Hakcipta Pencetak <sup>(H)</sup>

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA